

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]

TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan polisi dan rancangan Kerajaan untuk memberi peluang baru kepada anak muda yang tercidir untuk mengikuti pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap anak-anak muda yang tercicir untuk mengikuti program TVET. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah memperkenalkan program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Khas semenjak Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe-10) lagi.

Program ini memberi peluang kepada anak-anak muda yang tercicir dari pelajaran mengikuti program TVET. Program SLDN Khas membolehkan pelatih mengikuti 70%-80% latihan di tempat kerja sebenar (syarikat/industri) dan 20%-30% latihan teori di pusat latihan. Bagi menarik minat belia mengikuti program SLDN Khas, Kerajaan telah memperuntukan elauan RM625 sebulan dimana sebanyak RM300/sebulan diberikan kepada perantis, RM200/sebulan diagihkan kepada syarikat dan RM125/sebulan diberikan kepada pusat latihan. Sehingga tahun 2020 sebanyak 30,074 perantis telah mendaftar mengikuti program ini merentasi tahap dan bidang kemahiran.

Selaras dengan intipati dalam pembentangan Belanjawan 2021 oleh YB Menteri Kewangan pada 6 November 2020, Kerajaan turut memperkenalkan Sistem Latihan Dual Nasional Plus dengan elauan bulanan dinaikkan daripada RM625 kepada RM1,000 untuk menggalakkan lebih banyak penglibatan industri melaksanakan program berteraskan TVET. Inisiatif ini melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM60 juta dan memberi manfaat kepada 10,000 perantis bagi tahun 2021.

Program SLDN Plus masih menggunakan pendekatan yang sama dimana RM500/sebulan diberikan kepada perantis, RM200 kepada syarikat dan RM300/sebulan kepada pusat latihan. Program ini juga turut dibuka kepada semua masyarakat Malaysia dan tidak terhad kepada golongan yang tercicir sahaja.

SOALAN NO : 19

Selain itu, Kerajaan melalui Jabatan Tenaga Manusia (JTM) sebagai penyedia latihan kemahiran menjalankan program latihan yang ditawarkan kepada lepasan sekolah menerusi 32 buah Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) yang terdiri daripada sebuah Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI), 8 buah Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), dan 23 buah Institut Latihan Perindustrian (ILP).

JTM sentiasa bersedia menyediakan laluan bagi menggalakkan lebih ramai lepasan sekolah menjalani latihan TVET bagi mendapatkan kemahiran baru, mahupun meningkatkan kemahiran sedia ada secara sepenuh masa dan separuh masa di ILJTM dalam bidang kemahiran teknikal/kejuruteraan bertujuan untuk meningkatkan tenaga kerja berkemahiran dalam pasaran buruh Malaysia.

Kursus-kursus yang ditawarkan di ILJTM adalah terbuka kepada semua peringkat masyarakat yang meliputi golongan belia lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sehingga kepada golongan pekerja industri. Peluang bagi menjalani latihan di ILJTM adalah terbuka tanpa mengira kaum.